



IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)

Email: kp@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA DARIPADA

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

JAPANESE ENCEPHALITIS (JE) DI PULAU PINANG

Japanese Encephalitis (JE) merupakan **penyakit endemik** di Malaysia yang disebabkan oleh Flavivirus yang dibawa oleh nyamuk (*Culex tritaeniorhynchus*) sebagai vektor. Selain daripada babi, virus ini juga boleh menyebabkan penyakit kepada kuda dan keldai. Selain itu, lain-lain haiwan seperti lembu, bebiri, kambing, anjing, kucing, katak, mamalia liar dan burung boleh juga dijangkiti cuma ianya tidak menunjukkan tanda-tanda klinikal.

Penyakit ini disebarkan melalui gigitan nyamuk yang membawa virus tersebut. Virus ini menyerang sistem saraf dalam manusia yang menyebabkan gangguan saraf dan boleh membawa maut. Manusia dan kuda diklasifikasikan sebagai perumah terakhir. Pada masa ini penyebaran penyakit JE kepada manusia dan juga kuda adalah sporadik.

DVS telah pun mengadakan perjumpaan dengan Persatuan Penternak pada 26 Jun 2014 lalu di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar di Putrajaya. Penternak telah diingatkan untuk meningkatkan kebersihan dan hygin ladang serta mengadakan saliran perparitan yang baik bagi mengelakkan penakungan air bagi membanteras pembiakkan nyamuk.

Berikutan kes JE di Pulau Pinang yang melibatkan seorang pelajar tahun enam di Sekolah Kebangsaan Kampung Selamat, Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang, satu mesyuarat bersama penternak babi telah diadakan oleh DVS Negeri Pulau Pinang. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk memaklumkan bahawa aktiviti surveilans dan persampelan akan dilakukan bagi mengesan kehadiran virus JE pada ternakan mereka yang berada dalam lingkungan **1 km radius dari sekolah** tersebut.

Pada **1 Julai 2014 (Selasa)** aktiviti persampelan telah dilakukan oleh sepuluh pasukan yang terdiri daripada 40 orang staf yang melibatkan **20 ladang babi**. Sejumlah **181 sampel darah** telah diambil dari ternakan babi dan dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh bagi tujuan pengesanan kehadiran virus dengan menggunakan teknik *Polymerase Chain Reaction* (PCR). Dijangka keputusan laporan makmal akan diketahui **pada 4 Julai 2014 (Jumaat)** ini.

Sebagai langkah kawalan, pergerakan ternakan babi di ladang yang disahkan positif JE akan **dikuarantinkan**. Ternakan tidak akan dibenarkan keluar dari ladang tersebut dan DVS akan memantau dan memberi nasihat kepada semua 199 buah ladang babi lain yang terdapat di Pulau Pinang. DVS juga akan memantau keadaan di kalangan 542 buah ladang babi di Semenanjung. Mereka akan diminta untuk melaporkan sebarang kejadian penyakit pada ternakan mereka.

Selain itu, kawalan vektor (nyamuk) yang menyebabkan penularan penyakit ini melalui **semburan bahan kimia (fogging)**, ke atas ladang yang berisiko penyakit akan dilakukan di sebelah petang dengan bantuan daripada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang.

DVS juga menyeru semua penternak babi agar meningkatkan tahap kebersihan dan sanitasi ladang masing-masing bagi membantu menghapuskan tempat pembiakan nyamuk yang boleh menyebabkan penyebaran penyakit JE ini.

DATO' DR MOHAMAD AZMIE BIN ZAKARIA
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Pihak DVS menyeru kepada semua penternak babi supaya sentiasa memantau tahap kesihatan ternakan di ladang masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang gejala penyakit, penternak hendaklah memaklumkan kepada pihak DVS Negeri.
2. Penternak-penternak perlu melaporkan kepada pihak hospital yang berdekatan sekiranya pekerja mereka menunjukkan gejala gangguan saraf (Encephalitis).

TINDAKAN YANG AKAN DILAKUKAN OLEH DVS

1. Survelans penyakit akan dipergiatkan dan diperluaskan ke seluruh kawasan Seberang Prai, Pulau Pinang merangkumi semua spesies ternakan yang berpotensi sebagai reservoir virus JE seperti lembu, kambing, unggas dan sebagainya.
2. DVS juga akan membuat dayajejak ke kawasan asal pelajar sekolah yang terjangkit itu.
3. DVS akan sentiasa mengemaskini maklumat mengenai status penyakit JE melalui mySMS kepada penternak-penternak.
4. Bilik Gerakan, DVS, Putrajaya juga akan diaktifkan.